

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Evolusi sektor perikanan tempatan
29. Aug 2008
Utusan Malaysia
Supplement
238082
833287

Language **MALAY**
Page No **9a**
Article Size **709** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **9986.90**



TERNAKAN ikan dalam sangkar (kiri) dan kanvas mempu menjana industri akuakultur tempatan.

Info

Sejarah Penubuhan Jabatan Perikanan

- Sebelum Merdeka**
- 1894- Penubuhan Unit Perikanan Kolonial
 - 1 Feb. 1915- Penubuhan Jabatan Perikanan dan Muzium
 - 14 Julai 1922- Penubuhan Jabatan Perikanan British-Malaya
 - 1946- Penubuhan Jabatan Perikanan Malayan Union dan Singapura
 - 1951- Dipisahkan kepada Jabatan Perikanan Singapura dan Pan Malaya

Selepas Merdeka

- 1957- Penubuhan Bahagian Perikanan Persekutuan Tanah Melayu
- 1964- Penubuhan Jabatan Perikanan Sabah
- 1965- Penubuhan Jabatan Perikanan Laut Sarawak

Era Dasar Ekonomi Baru

1971-kini - Bahagian Perikanan Persekutuan Tanah Melayu dinaik taraf kepada Jabatan Perikanan Malaysia.



JUNAIIDI CHE AYUB



INDUSTRI ikan hiasan antara penyumbang penting akuakultur.

Evolusi sektor perikanan tempatan

Oleh LAUPA JUNUS

JABATAN Perikanan Malaysia antara jabatan yang mempunyai peranan penting dalam pembangunan pertanian di negara ini yang mengkhhusus kepada sektor perikanan.

Berdasarkan sejarah, jabatan tersebut yang telah ditubuhkan 114 tahun lalu dan banyak meniti kegemilangan terutama sejak dinaiktaraf pada 1971.

Ketika era sebelum merdeka, aktiviti perikanan tempatan lebih tertumpu kepada kegiatan kecil-kecilan seperti menangkap ikan kap, sebelum ternakan udang diperkenalkan.

Ia berkembang kepada ternakan kerang, ikan hiasan, lampam jawa, kap india dan udang galah selain ternakan siput, sudu.

Namun, sejak penubuhannya, beberapa pencapaian yang boleh dibanggakan telah tercatat, sesuai dengan perkembangan dan keperluan semasa sektor perikanan meliputi ternakan akuakultur, tangkapan ikan laut dalam dan laut lepas serta program pembangunan bioteknologi.

Sebagai contoh, Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang berjaya membiakkan udang galah atau nama saintifiknya *Macrobrachium rosenberghii* selain kajian pembiakan ikan arowana untuk tujuan eksport.

Pencapaian lain termasuk membiakan ikan hamoir pupus termasuklah ikan sungai seperti sebarau pada 2001, lampam sungai dan kerai kunyit (2002), baung dan temoleh (2003), patin buah (2004) jelawat dan tengalan (2005) serta ikan merah dan tapah pada 2006.

Malah, menerusi penyelidikan dengan Universiti Putra Malaysia (UPM), Pusat Penyelidikan Perikanan Air Tawar (PPPAT) di Jelevu Negeri Sembilan berjaya menjalankan kajian pemencilan DNA untuk pemetaan genetik udang galah menggunakan teknik molekular.

Pusat yang sama juga berjaya

mewujudkan banak sperma ikan air tawar bagi tujuan pemuliharaan dan mengelakkan kepupusan.

Ketua Pengarah, Jabatan Perikanan, Datuk Junaidi Che Ayub berkata, itu antara sekian banyak kemajuan dan perubahan dalam sektor perikanan sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Kemajuan tersebut melibatkan pelbagai subsektor termasuk akuakultur dan perikanan laut dalam serta laut lepas," ujarnya.

Beliau menjelaskan, era Dasar Ekonomi Baru (DEB) memberi penekanan kepada menjadikan industri perikanan sebagai bidang perniagaan daripada kecil-kecilan sebelum ini.

Ini sejajar dengan matlamat dalam rancangan pembangunan lima tahun yang terkini, Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan tiga dasar pertanian yang ada setakat ini termasuk Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) sepanjang tempoh 1998-2010.

Dalam DPN3 sahaja, tumpuan diberi kepada akuakultur perikanan tangkapan lut dalam dan juga pemerrosesan.

Menjelang 2010, pengeluaran yang disasarkan ialah 2.071 tan metrik, meliputi 900,00 tan metrik perikanan laut pantai, 509,000

perikanan laut dalam dan akuakultur sebanyak 662,00 tan metrik.

Dengan adanya tumpuan tersebut, pelbagai program diperkenalkan termasuk Zon Industri Akuakultur (ZIA) yang dilancarkan Januari tahun lalu di Sungai Como Tasik Kenyir, Terengganu.

Program tersebut bertujuan melahirkan usahawan akuakultur berpendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan, mencapai matlamat mengurangkan Imbangan Dagangan (BOT) dan mewujudkan kawasan kekal pengeluaran makanan.

Ternakan tersebut meliputi udang, ikan, ikan hiasan, keran-kerangan, rumpai laut

Bagi industri perikanan tangkapan yang bermula pada 1930-an lagi, perintis program tersebut ialah apabila syarikat K&I diberi 40 vesel pada 1987 untuk menjalankan aktiviti tersebut.

Kini jumlah lesen yang dikeluarkan untuk tujuan penangkapan ikan laut dalam ialah 903 manakala sebanyak 500,000 tan metrik ikan tangkapan disasarkan menjelang 2010.

Tumpuan diberi kepada per-

ikanan laut lepas khususnya kepada tangkapan tuna yang mempunyai potensi besar.

Selain itu, industri berasaskan perikanan juga diperhebatkan sejajar dengan matlamat mengukuhkan industri asas tani dengan pengenalan produk seperti surimi, tuna dan sotong dalam tin.

Justeru menurut Junaidi, industri perikanan kini bukan sahaja dianggap sebagai sumber protein tetapi juga sebagai sumber ekonomi.

"Kita juga menjalankan penyelidikan pengeluaran benih air tawar sejak sekian lama, dan selepas itu serahkan kepada swasta untuk meneruskannya," kata beliau.

Jabatan tersebut mempunyai pusat penyelidikannya sendiri di Batu Maung, Pulau Pinang dan Pusat Penyelidikan Tanjong Demong (Besut), Pusat Penyelidikan Ikan Air Payau di Gelang Patah, Pusat Penyelidikan Benih Udang di Pulau Sa-yak yang aktif menjalankan kajian sejak dahulu lagi serta beberapa pusat perikanan lain.

Mengenai ikan hiasan beliau berkata, Malaysia menyasarkan untuk

mengeluarkan 800 juta ekor ikan setahun menjelang 2010, meskipun industri itu masih baru di negara ini.

Jabatan tersebut yang kini mempunyai 2,500 pegawai dan kakitangan kini memberi lebih tumpuan kepada kumpulan sasaran dengan berfungsi hingga ke peringkat daerah.

Ketika ditanya apakah kayu ukur kepada kejayaan jabatan tersebut, Junaidi menjelaskan, ia antara lain melibatkan, nilai pengeksporan, peningkatan pendapatan dan membasmi kemiskinan tegar.

"Malah kita boleh berbangga, Malaysia kini tersenarai dalam 20 negara terbesar dalam pengeluaran akuakultur," ujarnya.

Namun katanya, usaha pembangunan industri perikanan tidak terhenti setakat itu sahaja, sebaliknya, jabatan tersebut telah memperkenalkan projek perintis perikanan berasaskan komuniti di Sungai Triang di Langkawi yang bertujuan mewujudkan sistem pengurusan sumber perikanan secara lestari untuk meningkatkan pendapatan keluarga nelayan.